Tingkatkan penguasaan bahasa Inggeris, kuasai bahasa Melayu tanpa tolak ansur- Anwar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - November 23, 2023 @ 10:20pm
mohd_iskandar@bh.com.my



Anwar bersalaman bersama orang ramai ketika Majlis Kesyukuran Setahun Pentadbiran Perdana Menteri dan Kerajaan Madani di Putrajaya. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu mutu penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dipertingkatkan mulai tahun depan manakala kedudukan bahasa Melayu dikuasai tanpa tolak ansur.

Perdana Menteri berkata, ini kerana penguasaan sekurang-kurangnya dwi bahasa penting dan menjadi penekanan dalam kalangan negara maju.

"Sekarang ini kita bicara mutu pendidikan, bahasa Melayu bahasa utama, mesti dikuasai tanpa tolak ansur oleh semua pelajar tetapi kita harus cuba memikirkan kaedah baharu untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris.

"Jadi mulai tahun depan, mutu penguasaan bahasa Inggeris harus ditingkatkan selain mempertahankan kedudukan bahasa Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Kesyukuran Sempena Setahun Pentadbiran Kerajaan MADANI di sini, hari ini.

Anwar berkata, semua murid dan pelajar terutama di sekolah kebangsaan perlu diberi penekanan supaya penguasaan bahasa Inggeris menjadi lebih baik berbanding sekarang.

Bagaimanapun, beliau meminta supaya tidak ada mana-mana pihak yang melihat seolah-olah kerajaan hanya memberi keutamaan kepada penguasaan bahasa Inggeris.

"Jadi jangan ada yang pertikai lagi seolah-olah (kerajaan) memberi keutamaan bahasa Inggeris, kita meninggalkan bahasa Melayu…tidak.

"Kalau nak negara ini terangkat keupayaan ekonomi dan kemajuannya, bahasa Melayu mesti menjadi bahasa ilmu, bahas utama dan dikuasai dengan baik oleh semua rakyat Malaysia termasuk di sekolah swasta dan antarabangsa.

"Kalau anak itu anak Malaysia, wajib menguasai bahasa Melayu dengan baik. Jangan kita pandang ringan hal ini," katanya.

Sementara itu, ketika ditemui selepas majlis terbabit, Anwar secara ringkas menzahirkan rasa kesyukuran sempena setahun pentadbirannya.

"Alhamdulillah kita sedaya upaya seluruh pasukan dan Insya-Allah kita akan perbaiki (kekurangan). Dengan kekuatan baharu kita akan melonjak lebih tinggi," katanya.

Ditanya pula sama ada akan berlaku rombakan Kabinet pada Januari tahun depan, Perdana Menteri sekadar tersenyum sebelum meninggalkan majlis.